

SOALAN NO. 33**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menukarkan Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai badan bebas yang akan terus melapor kepada Parlimen.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa dan kebebasan mutlak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah diperuntukkan di bawah undang-undang. Hakikatnya kerana, penubuhan SPR adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Umpamanya, Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa keanggotaan SPR hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja dan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan lima orang anggota suruhanjaya.

Selain itu, Perkara 114 (2), Perlembagaan Persekutuan juga telah menyatakan secara jelas mengenai peri mustahaknya untuk diwujudkan suatu suruhanjaya yang mendapat kepercayaan awam. Oleh yang demikian, selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, setiap pelantikan Anggota SPR perlu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Secara dasarnya, SPR merupakan sebuah institusi di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong yang bertanggungjawab untuk memelihara, mengawasi dan mengekalkan proses demokrasi di negara ini. Berdasarkan kepada Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, fungsi dan peranan SPR adalah merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Melaksanakan kajian dan persempadanan semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri setiap tidak kurang daripada 8 tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu;
- (ii) Menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih; dan
- (iii) Menjalankan pilihan raya umum ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan.

Justeru, SPR berpandangan bahawa struktur pentadbiran sedia ada masih lagi relevan dan sesuai untuk dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.